

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (GEGARIA)

TARIKH: 14 APRIL 2018

MUKA SURAT: 26

PERUMAHAN

Pembeli disaran miliki kediaman berstrata

Fakta nombor

20,420 UNIT

perumahan PR1MA dibina membabitkan 19 projek

RM5.1 BILION

nilai pembangunan kasar projek PR1M

600 UNIT

rumah mampu milik dibina di Krubong, Melaka

Ayer Keroh: Bakal pembeli rumah negara ini, disaran beralih kepada pemikiran baharu dengan memiliki kediaman berstrata berkonsepkan pangsapuri, berbanding rumah bertanah.

Ketua Pegawai Eksekutif Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Datuk Abdul Mutalib Alias, berkata kaji selidik pihaknya mendapati bakal pembeli masih mahu memiliki rumah kategori bertanah, namun produk itu semakin mahal dan sukar dimiliki, terutama kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana.

Gaya hidup moden

"Berikutan itu, saya menyarankan bakal pembeli rumah, terutama mereka yang ingin tinggal di bandar supaya berubah kepada gaya hidup moden dan baharu dengan menumpukan pemilikan kediaman berstrata, yang dilengkapi kemudahan seperti surau, tadika dan kolam renang.

"Seboleh-bolehnya memang kita mahu tawarkan rumah bertanah, namun apa yang saya maksudkan perubahan pemikiran itu seperti yang kita sedia maklum, Kuala Lumpur kebanyakannya mempu-

nyai perumahan berstrata, malah di bandar utama seperti Ipoh, Perak dan Kota Kinabalu, Sabah," katanya pada majlis perasmian Ekspo Jualan Perumahan Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, semalam.

PR1MA adalah agensi yang ditubuhkan untuk membina rumah berkualiti tinggi bagi golongan berpendapatan sederhana dengan pendapatan isi rumah antara RM2,500 hingga RM15,000 sebulan.

Ia turut menawarkan 20,420 unit perumahan membabitkan 19 projek dengan nilai pembangunan kasar sehingga RM5.1 bilion, termasuk di Melaka antaranya A'Famosa di daerah Alor Gajah, Klebang (Melaka Tengah) dan Ayer Panas (Jasin).

Sementara itu, Idris turut senada dengan Abdul Mutalib bahawa rakyat di Melaka juga perlu mengubah sedikit pemikiran untuk beralih kepada gaya hidup moden bersesuaian di kota kosmopolitan.



[FOTO MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER/BH]

Idris (kiri) bersama Abdul Mutalib (dua dari kanan) melawat pameran perumahan pada majlis perasmian Ekspo Jualan Perumahan Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera di MITC, Ayer Keroh, semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN